

FUTSAL FAM

DE 9/3/2012 12

Sabah, UMS

kecundang perlawanan pembukaan

GL Oh

KOTA KINABALU: Kedua-dua pasukan Sabah dan UMS tewas dalam perlawanan pembukaan mereka dalam pertandingan Futsal FAM/Felda yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Khamis.

Pasukan Negeri yang bermain perlawanan awal dibelasah 1-5 oleh Selangor dalam kumpulan mereka manakala UMS yang berada dalam kumpulan sama tewas 2-3 kepada Polis dalam perlawanan selepas itu.

Jurulatih UMS, Asraf Fong Abdullah berkata, mereka muncul pasukan yang lebih baik namun pemain-pemain hanya gagal menyempurnakan peluang dan menyebabkan kekalahan tersebut.

Dua pasukan kalah itu akan bertemu hari ini (Jumaat) dalam perlawanan kedua dan ia bakal menyaksikan saingan menarik.

Kedua-dua pasukan menerima suntikan daripada beberapa pemain yang telah dipilih oleh FAM untuk pasukan kebangsaan yang baru dan ia mungkin menjadi sebab mengapa mereka gagal menghasilkan jangkauan memandangkan mereka berada di Kuala Lumpur pada awal untuk ujian final yang dikendalikan oleh MSN.

Dua pasukan berkenaan berada dalam Kumpulan A bersama Selangor dan Polis (PDRM) manakala Kumpulan Q melibatkan MPSJ, PKNS, Felda dan Angkatan Tentera (ATM).